

Industri Rumpai Laut dikenalpasti mampu bangunkan sektor ekonomi Sabah

NST 17/6/2011 4

KOTA KINABALU: Industri Rumpai Laut dikenalpasti oleh kerajaan mampu membangunkan sektor ekonomi negeri Sabah, kata Naib Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Beliau berkata, ini adalah disebabkan oleh kawasan perairan Sabah yang dilihat amat sesuai serta kawasannya yang luas iaitu sekitar 20,000 hingga 30,000 hektar di samping penanaman rumpai laut berkeluasan lebih kurang 8,000 hektar yang sedia ada.

“Dalam jangka masa panjang, Sabah boleh memainkan peranan dalam industri ini di peringkat serantau mahupun dunia dengan kapasiti pengeluaran antara 100,000 hingga 150,000 metrik tan kering setahun,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada Syarikat Peneraju Projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Auditorium YTL, Bangunan Yayasan UMS di sini, kelmarin.

“Hasil dari beberapa siri perbincangan dan keputusan dari Makmal Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) pada bulan Jun hingga Julai 2010, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM62.25 juta bagi



SURAT TAWARAN... Penyerahan surat tawaran disampaikan oleh Dr. Kamaruzaman (kanan) kepada salah seorang peneraju projek.

“Rolling Plan” pertama iaitu untuk tahun 2011 dan 2012.

“Sebahagian daripada peruntukan ini, iaitu RM19.75 juta telah pun diterima pada suku tahun pertama 2011 dan ia merupakan satu amanah yang cukup besar yang per-

lu dilaksanakan untuk tujuan pembangunan negeri Sabah seiring dengan misi untuk menjayakan agenda pembangunan negara,” jelasnya.

Lihat Muka 7



PENERAJU... Dr. Kamaruzaman (tengah) bersama-sama dengan para Peneraju Projek Pengkulturan dan Estet Mini Rumpai Laut di Sabah.

Penglibatan UMS dalam menjayakan projek ini adalah sebagai Perunding, Pembekal Teknologi dan Pemilik Bersama Projek yang turut dijayakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Sabah.

Kamaruzaman berkata, peranan yang dimainkan oleh pihak UMS sangat penting khususnya dalam kebolegunaan dan pengkomersilan projek-projek penyelidikan yang mampu memberi faedah kepada masyarakat.

“Ia selaras dengan matlamat kerajaan yang mahukan setiap universiti menghasilkan penyelidikan yang berkualiti serta relevan kepada masyarakat dan negara.

Sementara itu, katanya, bagi tujuan pelaksanaan dan pemantauan projek, saya bersetuju melantik pihak Yayasan UMS untuk memikul tanggungjawab ini melalui satu unit yang dikenali sebagai “Unit Penyelidikan Rumpai Laut”, satu unit “Interim” yang mana unit sebenarnya akan ditubuhkan di bawah Sekolah Sains dan Teknologi nanti.

Beliau juga turut menjelaskan bahawa UMS telah terlibat dalam projek rumpai laut ini sejak tahun 1998 melalui projek PPRT di Pulau Bangi, Sabah. Projek yang di ketuai oleh Prof. Dr Ridzwan Abd Rahman itu telah dilaksanakan dengan kerjasama KKLW, LKIM, Pejabat Daerah Kudat dan Jabatan Perikanan Sabah.

Katanya, ia adalah merupakan usaha bagi membantu meningkatkan sumber pendapatan penduduk di kawasan berkenaan melalui penanaman rumpai laut.

Tambahnya lagi, hasil pengalaman dan penyelidikan yang berterusan, projek yang dilaksanakan itu telah melalui beberapa siri inovasi dan penambahbaikan oleh para penyelidik UMS sekaligus berjaya mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam rumpai laut di Sabah.

“Kajian demi kajian telah dilaksanakan sehingga terciptalah satu inovasi atau model yang dikenali sebagai “Pengkulturan Rumpai Laut Secara Estet Mini” yang mana model ini telah diangkat ke pihak Unit Perancang Ekonomi dan PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bagi dijadikan satu model peningkatan pendapatan sama ada bagi petani atau Negara (GNI) selain sebagai satu langkah bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan,” katanya. **-OLEH MIZRON MAR-ALANG**